



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	METRO AHAD			
TARIKH	:	11/4/2021	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	KeTSA			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

### KeTSA sedia bantu keluarga Zulkifli

*Metro Ahad 11/4/2021 m/s/2*

**Lenggong:** Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) akan membantu keluarga wartawan sambilan New Straits Times (NST), Zulkifli Abd Latif yang meninggal dunia ketika mengikuti program Eksplorasi Eko-pelancungan di Pulau Banding, Gerik pada Khamis lalu.

Menterinya, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah berkata, Allahyarham Zulkifli meninggal dunia ketika mengikuti program anjuran KeTSA dan oleh itu menjadi tanggungjawab kementeriannya untuk menyalurkan membantu yang difikirkan sesuai kepada keluarga arwah.

“Kita akan melihat bagaima-

mana caranya untuk membantu keluarga Allahyarham,” katanya kepada pemberita selepas Program Penghijauan Malaysia Peringkat Negeri Perak di Dataran Tasik Raban, dekat sini, semalam.

Shamsul Anuar berkata, kelmarin kementeriannya membantu menguruskan pengebumian Allahyarham Zulkifli dan bantuan lain kepada keluarga wartawan berkenaan akan diusahakan mengikut kewajarannya.

Pada Khamis lalu, Zulkifli, 41, yang berasal dari Johor itu meninggal dunia kerana sesak nafas ketika mendaki di hutan Mata Kail, Pulau Banding, Tasik Temenggor, Gerik.